

NO SOALAN :92**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL
(KUALA KEDAH)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 03.08.2017**

Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat akhirnya akan mengenakan GST ke atas 60 barang-barang makanan seperti pengumuman pihak Kastam di bulan Jun yang kemudiannya dibatalkan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya, Kerajaan pada masa kini tiada perancangan untuk mengubah layanan semasa GST ke atas senarai barang dan perkhidmatan yang dikenakan pada kadar 6%, 0% dan dikecualikan. Pindaan ke atas senarai barang pada kadar

0% yang dibuat sebelum ini yang berkuatkuasa mulai 1 April 2017 adalah bertujuan semata-mata untuk diselaraskan dengan perubahan kod tariff *Harmonised System* (HS) 2017 yang telah dilaksanakan melalui Perintah Duti Kastam 2017. Pindaan susulan ke atas Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) (Pindaan) (No.2) 2017 yang diwartakan pada 6 Jun 2017 untuk berkuatkuasa mulai 1 Julai 2017 telahpun dibatalkan pada 21 Jun 2017 dan dengan itu tiada isu berbangkit.